



TEKS UCAPAN

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

SEMPENA

PERHIMPUNAN PERDANA TAHUN 2026

**7 APRIL 2026 (SELASA) | 9.00 PAGI
DEWAN TUN DR ISMAIL, BLOK 11
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak Bin Mansor

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza Bin Mohamad Hasan

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

Yang Berusaha Dr. Shukri Bin Mohd

Pengarah Kanan Program Pengurusan

Yang Berusaha Ts. Dr. Mohd Rodzi Bin Ali

Pengarah Kanan Program Perancangan Teknologi dan Pengkomersialan

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah, tuan-tuan dan puan-puan keluarga nuklear sekalian.

1. Alhamdulillah, dalam suasana bulan Syawal yang penuh keberkatan ini, saya ucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada seluruh warga Nuklear Malaysia. Semoga madrasah Ramadan yang lalu telah membentuk jati diri kita menjadi insan yang lebih bertaqwa dan berdisiplin.
2. Sesuai dengan tema perhimpunan kita pada hari ini "**Momentum Transformasi & Tadbir Urus Berintegriti**", saya mengajak kita semua untuk melihat Syawal sebagai tapak lonjakan. Dari sudut sains, momentum terhasil daripada gabungan jisim dan halaju. Maka, jika kita mahu Nuklear Malaysia ini bergerak laju dengan terus maju, kita memerlukan **jisim** yang sarat dengan tenaga kerja yang kompeten dengan lonjakan **halaju** kuat dalam setiap tindakan yang pantas serta proaktif.
3. Kita tidak boleh lagi selesa bekerja dengan cara lama. Sebaliknya perlukan **transformasi minda dan budaya kerja**. Kita harus berani merombak proses kerja yang panjang dan birokrasi yang membebankan demi memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruh kita.
4. Namun begitu, kepantasan tanpa kawalan akan menjadi usaha yang sia-sia dan memudaratkan. Maka, kawalan dalaman bagi menjalankan **Tadbir Urus Berintegriti** hendaklah kuat dan mantap. Integriti bukan sekadar slogan, tetapi ia adalah 'roh' dalam setiap tindakan yang kita buat ketika menjalankan amanah sebagai penjawat awam.

5. Justeru, saya tegaskan bahawa integriti adalah **tanggungjawab kolektif** setiap daripada kita. Saya menuntut agar setiap tatacara kewangan, pengurusan aset, dan pengurusan projek di setiap peringkat dilaksanakan tanpa kompromi terhadap sebarang ketirisan.

6. Kita mahu menjadikan Agensi Nuklear Malaysia sebuah organisasi yang cemerlang dalam suasana bersih, telus dan suci pada rekod tadbir urusnya. Apabila setiap daripada kita memulakan tugas dengan penuh integriti, kita sebenarnya sedang membina persekitaran kerja yang adil dan harmoni untuk semua.

7. Saya ingin menyentuh mengenai pelaksanaan Audit Kendiri Perjawatan dan Organisasi (AKPO) yang sedang rancak kita laksanakan. Sebagaimana arahan JPA pada 11 September 2025 yang lalu, Nuklear Malaysia telah pun menggerakkan inisiatif ini bermula 6 Mac 2026.

8. Peranan AKPO adalah kritikal kerana ia adalah cermin kepada integriti organisasi kita. Melalui AKPO, kita bukan sahaja menyemak pematuhan, tetapi kita menilai beban kerja agar pembahagian tugas adalah adil dan saksama. Tiada lagi istilah "orang yang sama buat semua kerja". Inilah **Momentum Transformasi** sebenar yang meletakkan orang yang betul pada tempat yang betul (*right man for the right job*).

9. Kepada pasukan audit yang akan memulakan gerak kerja di lapangan pada April ini, laksanakanlah amanah ini dengan profesional. Hasil rumusan pengauditan ini nanti bukan sekadar laporan untuk

dihantar ke MOSTI dan JPA, tetapi ia adalah pelan tindakan kita untuk penambahbaikan struktur perjawatan Nuklear Malaysia secara menyeluruh.

Hadirin sekalian,

10. Tahun 2026 adalah titik bermulanya **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)** dengan tema besar "**Melakar Semula Pembangunan**". Tema ini sangat selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI iaitu untuk menaikkan siling ekonomi, menaikkan lantai kesejahteraan rakyat dan yang paling utama, **memperkukuh tata kelola yang baik**.

11. Bagi Agensi Nuklear Malaysia, RMK-13 adalah medan tempur kita untuk memperkukuh **Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030**. Kita mahu teknologi nuklear bukan sekadar subjek makmal, tetapi pemacu sosioekonomi melalui pasaran barangan berteknologi tinggi yang mampu bersaing di peringkat global.

12. Namun, impian besar ini memerlukan disiplin yang ketat disetiap peringkat pelaksanaan RMK. Untuk makluman semua, agensi kita telah menerima peruntukan sebanyak **RM44,480,000.00** bagi *Rolling Plan 1* (RP1) RMK-13 tahun 2026.

13. Akan tetapi, **perhatian serius perlu diberikan kepada prestasi perbelanjaan** kita. Setakat ini, prestasi tanggungan dan perbelanjaan baru mencapai **1.57%**. Angka ini menuntut tindakan segera. Saya

menyeru dan menegaskan kepada semua **Ketua Projek dan PIC** untuk menyegerakan proses tanggungan dan perbelanjaan. Kita perlu memastikan unjuran dicapai mengikut jadual bagi mengelakkan sebarang *shortfall* yang boleh menjejaskan reputasi tata kelola agensi kita. Inilah maksud **Momentum Transformasi**. Kita mahu gerak kerja yang pantas, bukan lagi sekadar menunggu di saat-saat akhir atau hujung tahun.

Warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

14. Dalam kita sibuk mengejar KPI, memenuhi sasaran penyelidikan dan memastikan piawaian keselamatan nuklear sentiasa dipatuhi, ada satu aspek yang sering kita terlepas pandang, iaitu **Keseronokan Bekerja atau *Joy at Work***.

15. Kajian daripada University of Warwick, pekerja yang mempunyai tahap kegembiraan dan kesejahteraan yang tinggi mampu meningkatkan produktiviti organisasi antara 12 hingga 20 peratus, berbanding mereka merasa tertekan semasa berkerja. Ini membuktikan bahawa emosi positif di tempat kerja bukan sekadar bonus, tetapi adalah pemacu prestasi yang nyata.

16. Di Nuklear Malaysia, kita berhadapan dengan tugas yang berisiko tinggi dan kompleks. Oleh itu, mewujudkan persekitaran kerja yang menyeronokkan bukan lagi satu "pilihan", tetapi satu **keperluan**.

17. Keseronokan bermula apabila usaha kita dihargai. Saya menyeru kepada semua warga Nuklear Malaysia agar menghargai usaha dan penat lelah kita bersama. Satu ucapan "terima kasih" yang tulus atas bantuan rakan sekerja menyiapkan laporan atau eksperimen makmal, mampu mengubah emosi seseorang daripada tertekan kepada bersemangat. Penghargaan adalah "bahan api" pencetus kepada motivasi.

18. Saya menyarankan agar kita sentiasa menyuntik elemen keceriaan di tempat kerja. Ruang kerja yang kemas, komunikasi yang sihat dan tidak ada kepentingan, tidak meremehkan orang lain serta sikap terbuka dalam menerima pendapat. Saya percaya perkara ini akan mengurangkan tekanan di tempat kita kerja.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Harapan saya Nuklear Malaysia dikenali atas kecemerlangan R&D&C&Inya dan kerana integriti dan kebersamaan warga yang menggerakkannya. Apabila semua elemen ini bergabung maka sudah pasti produktiviti kita pada tahap yang terbaik sekaligus mampu memberikan khidmat yang terbaik atas sifat NUR, iaitu nuklear untuk rakyat.

20. Mendepani cabaran global pada ketika ini seperti konflik yang sedang berlaku di Asia Barat. Kita sebagai warga Nuklear Malaysia khususnya harus menyahut seruan Kerajaan untuk lebih berhemah dalam menggunakan sumber-sumber yang ada seperti tenaga, bahan

api, kewangan dan lain-lain. Saya menyeru warga Nuklear Malaysia untuk berjimat cermat dalam penggunaan tenaga seperti yang telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air agar suhu penghawa dingin ditetapkan pada 24 darjah celsius dan menggunakan tenaga secara efisien serta elak pembaziran.

21. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri berkenaan Bekerja Dari Rumah (BDR), Pengurusan Tertinggi sedang merancang mekanisme yang bersesuaian dan terbaik bagi pelaksanaan BDR tersebut. Sememangnya kesejahteraan semua warga Nuklear Malaysia menjadi keutamaan pihak Pengurusan Tertinggi tanpa menjejaskan produktiviti dan pengoperasian agensi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Marilah kita jadikan momentum Syawal ini untuk merapatkan kembali saf, memaafkan kekhilafan lalu dan membina tekad baharu. Saya harap kita semua berbangga menjadi warga Nuklear Malaysia yang menerajui teknologi yang unik ini, tetapi juga menjuarai nilai-nilai murni.

22. Dengan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur, khususnya **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)** serta seluruh **Jawatankuasa Pelaksana Sesi Ramah Mesra Warga Nuklear 2026** pada hari ini.

23. Semoga dedikasi dan nilai **Tadbir Urus Berintegriti** yang ditunjukkan dalam menguruskan majlis ini menjadi contoh dan inspirasi kepada kita semua dalam melaksanakan tugas harian. Manfaatkanlah ruang ini untuk beramah mesra dan marilah kita kembali bertugas selepas ini dengan semangat yang lebih membara.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.